

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, 8 April, 2019 12:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembara Di Hutan Belantara Di Kala Bulan Mengambang



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia


08 APRIL 2019 / 02 SYAABAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

KEMBARA DI HUTAN BELANTARA DI KALA BULAN MENGAMBANG



UUM ONLINE: Sinaran bulan mengambang diserikan dengan kerlipan neon yang berwarna-warni sesekali desiran angin, siulan burung, unggas, cengekrik, deruan air sungai mengalir serta tasik yang terbias cahaya purnama menghidangkan suasana malam yang cukup indah mendamaikan.

Momen ini terakam kemas di ingatan 200 peserta UUM *Neon Nite Trekking* pertama seumpamanya yang melakar sejarah *hiking* di dalam Hutan Simpan UUM pada waktu malam.

Pengarah Program, Mohd Tarmizi Musa berkata, cetusan idea untuk melakukan *hiking* di waktu malam kerana kekangan waktu dan kesibukan tugas pada siang hari sehingga tidak sempat untuk beriadah.

“Kita selalu mendengar aktiviti *neon night walk*, *neon fun run* atau *night hiking* namun *neon nite trekking* belum pernah dibuat orang justeru, Jabatan Canselori dan kelab UUM Hikers menganjurkan UUM *Neon Nite Trekking* yang penuh mendebarkan,” katanya.

Bertemakan *Appreciate the Nature* acara yang membabitkan pelbagai kelab *hiking*, staf dan pelajar menyuntik kesedaran tentang kepentingan aktiviti fizikal terhadap tubuh badan serta kesihatan.

“Uniknya, setiap peserta diberikan lampu neon supaya kilauan neon begitu menyeronokkan sekali gus menghilangkan penat semasa mendaki dan menuruni bukit-bukit.

“Mengapa aktiviti seperti ini jarang dilakukan? Ini kerana persediaan dari aspek keselamatan untuk menganjurkan aktiviti seperti ini begitu rumit kerana diadakan di dalam hutan belantara pada waktu malam,” ujarinya.

Menurutnya, program ini dirancang dengan begitu teliti memandangkan aspek keselamatan peserta yang perlu dititikberatkan.

“Cabaran *trekking* di waktu malam tidak sama seperti *trekking* di waktu siang, jarak penglihatan pada waktu malam amat terhad selain menitikberatkan aspek keselamatan seperti binatang buas, binatang berbisa, serangga berbisa, pokok tumbang dan laluan curam.

“Kita mampu melaksanakan aktiviti ini sekiranya mengikuti langkah keselamatan secara terperinci mengikut SOP (*standard operating procedure*) yang ditetapkan,” katanya yang juga pensyarah Pusat Pengajian Pengkomputeran.

Antara tindakan yang telah diambil bagi aspek keselamatan termasuklah membuat susun atur peserta dan membahagikan kepada beberapa kumpulan seperti *guide* rintis, *guide* peserta dan *sweeper*.

Guide rintis terdiri daripada beberapa jurupandu berpengalaman yang bergerak 10 minit lebih awal sebelum aktiviti bermula. Mereka sentiasa berada di hadapan untuk memastikan keadaan laluan selamat daripada gangguan binatang buas, dan serangga berbisa menggunakan kaedah keselamatan.

Manakala *guide* peserta terdiri daripada beberapa jurupandu berpengalaman yang membimbing peserta setelah disahkan laluan selamat oleh *guide* rintis melalui komunikasi walkie-talkie.

Sweeper sentiasa berada di belakang sekali dan peserta dilarang berada di belakang sweeper manakala Pasukan Medic berada di beberapa *checkpoint* yang sentiasa bersedia sekiranya berlaku kecemasan.

Sementara itu, Siti Mariyam Kassim staf dari UUM Information Technology (UUMIT) berkongsi momen manis sepanjang ekspedisi yang mencabar mental fizikal di samping membentuk insan yang cekal dan pandai berdikari.

“Saya memang suka aktiviti lasak, namun berbeza kali ini, sejujurnya masuk hutan pada waktu malam agak membimbangkan tapi bukan selalu ada peluang macam ni jadi saya kuatkan semangat,” katanya.

Program bermula jam 8 malam bermula dari Tapak Semaian UUM melalui Bukit Urat Betis ke tapak perkhemahan Park & Recreation UUM sebelum mendaki bukit curam yang dikenali sebagai Bukit Dagu.

“Peserta diuji dengan trek mendaki yang agak mencabar dalam jarak lebih kurang 4 kilometer mendaki bukit dan menyeberangi anak Sungai.

“Pendakian menuju puncak amat memenatkan kerana keadaan bukit yang curam serta perlu menggunakan tali untuk memanjat pada beberapa tempat namun berbekalkan semangat setiakawan semua dapat mengharungi cabaran,” luahnya.

Usai menuruni puncak Bukit Dagu, peserta tiba ke Tasik Sintok sebelum pendakian berakhir jam 11.30 malam.

Jelasnya, sepanjang ekspedisi peserta mesti mematuhi arahan yang ditetapkan misalnya dilarang mengubah tanda arah, memotong *guide* jika keletihan boleh berehat sebentar di tepi trek dan berikan laluan kepada peserta di belakang memotong.

“Setelah tenaga peserta pulih, teruskan perjalanan. Sekiranya tenaga peserta belum pulih atau mengalami kecederaan, peserta dikehendaki menunggu sehingga *sweeper* sampai,” kongsinya.

Manakala pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Rohani Farook menyifatkan program ini membuka mata masyarakat tentang Universiti di Rimba Hijau yang penuh tarikan dan khazanah alam yang berharga di samping mengeratkan hubungan UUM dengan masyarakat luar.

“Saya kutip pengalaman yang sangat berharga inilah kali pertama *trekking* di dalam hutan pada waktu malam mujurlah bulan mengambang penuh dapat juga melihat kawasan tasik yang terbentang luas.

“Kami dapat menyaksikan keunikan hutan UUM yang kaya dengan flora dan fauna, sungai yang mengalir masuk ke lembah Sintok serta tasik yang ramai orang tidak tahu,” singkapnya.

Ternyata, ekspedisi ini berjaya mencapai matlamat untuk merancakkan sukan ekstrem yang mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat serta memberi peluang untuk beriadah secara santai sambil bertanya khabar.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.